



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# ANCAMAN KOMUNIS DI SARAWAK, 1963-1972



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AHMAD SYAKIR BIN JA'AFAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANCAMAN KOMUNIS DI SARAWAK, 1963-1972

AHMAD SYAKIR BIN JA'AFAR

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
| / |
|   |
|   |


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada <sup>10</sup>.....(hari bulan) ~~September~~ (bulan) 20.24..

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Ahmad Syakir bin Ja'afar, M2018202194, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Ancaman Komunis di Sarawak, 1963-1972

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

  
Tandatangan pelajar


**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Ancaman Komunis di Sarawak, 1963-1972

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Sejarah Malaysia (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

18 September 2024

Tarikh

  
DR. SAHUL HAMID BIN MOHAMED MAIDDIN  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Sejarah  
Tandatangan Penyelia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANCAMAN KOMUNIS DI SARAWAK, 1963-1972

No. Matrik / Matric's No.: M20182002194

Saya / I: AHMAD SYAKIR BIN JA'AFAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar / Signature)

  
DR. SAHUL HAMID BIN MOHAMED MAIDIN  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 18 September 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurniaannya kerana berjaya menyiapkan disertasi ini sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Sejarah Malaysia. Di kesempatan ini izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin yang telah banyak menyumbang ilmu, membimbing, menyokong, memberikan nasihat dan memberikan masa, ilmu dan tenaga tidak terhingga sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Ilmu yang diberikan ini akan dimanfaatkan sebaiknya untuk kegunaan di masa hadapan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pensyarah dan staf Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan antaranya Profesor Dr. Ishak bin Saat, Prof Madya Dr. Adnan bin Jusoh, Prof Madya Dr. Khairi bin Ariffin, Prof Madya Dr. Ahmad Zainudin bin Husin, Dr. Yunus bin Sauman@Sabin, Dr. Ramli bin Saadon, Dr. Baharuddin bin Jabar, Dr. Rabaah binti Abdullah, Dr. Wan Noorlizawati binti Wan Mat Ali, Prof Madya Dr. Nazirah binti Lee, Dr Haryati binti Hasan dan Dr. Siti Zahrah binti Mahfood yang banyak memberi tunjuk ajar dan sokongan sepanjang tempoh bergelar pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengetua, pihak pentadbir dan rakan seperjuangan di SMK Agama Tun Ahmad Zaidi dan SMK Serian yang banyak memberikan kerjasama dan sokongan. Tidak dilupakan kepada pegawai dan staf Repositori Arkib Cawangan Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak dan Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI yang banyak membantu dalam usaha pencarian bahan utama bagi menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan pihak Baitulmal Sarawak dan Yayasan Sarawak dalam memberikan bantuan kewangan bagi melaksanakan penyelidikan dan proses menyiapkan disertasi ini. Dan yang terutamanya kepada isteri dan anak tercinta Erwiani binti Wilzar dan Hamza Yusuf bin Ahmad Syakir serta ahli keluarga tersayang, ayahanda Ja'afar bin Belal, ibunda Sahilah binti A. Hamid, ayah dan ibu mertua, Wilzar bin Anuar dan Erlizar binti Mahran, adik beradik Ahmad Farhan bin Rosli, Nur Afifah binti Ja'afar, Zainul Muttaqin bin Ja'afar, Sukri bin Rasit, Normafithry binti Wilzar, Nurul Ezzah binti Ja'afar, Nurul Syuhada binti Ja'afar, Ainus Syafiq bin Ja'afar, Nurul Husna binti Ja'afar dan anak buah tersayang Nuha Aileen binti Ahmad Farhan serta rakan seperjuangan Sejarah yang banyak memberi sokongan moral, kewangan dan motivasi sepanjang menempuh liku manis perjuangan dalam mencapai Ijazah Sarjana ini. Semoga semua yang baik akan dibalas dengan ganjaran yang tinggi oleh Allah SWT. Akhir sekali, semoga Allah SWT memberkati kita semua dalam mencari keredhaan-Nya.







## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji ancaman pihak komunis di Sarawak pada 1963 hingga 1972. Tumpuan kajian ini akan menfokus kepada perkembangan gerakan, pembanterasan ancaman komunis dan penerimaan masyarakat terhadap ideologi komunisme di Sarawak. Ancaman ini berlaku secara besar-besaran disebabkan oleh pelbagai peristiwa pada era pembentukan Malaysia 1963. Terdapat kerjasama dan gerakan anti-komunis yang digerakkan oleh pihak di dalam dan luar Sarawak sebagai respon kepada ancaman yang semakin berleluasa. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menekankan analisis dokumen dan manuskrip. Fakta yang diperoleh ditafsir dan ditulis dalam bentuk naratif deskriptif serta menekankan aspek sebab dan akibat. Kajian ini menggunakan analisis dokumen dari sumber arkib dan perpustakaan sebagai rujukan seperti bahan dan data daripada Arkib Negara Cawangan Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Repositori Arkib Negeri Sarawak, Perpustakaan Dewan Bahasa & Pustaka Cawangan Sarawak dan Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sumber sekunder pula berupa buku, jurnal dan penulisan lain seperti surat khabar, majalah dan penerbitan yang berkaitan. Dapatan kajian mendapati bahawa sebelum pihak komunis memulakan kempen keganasan di Sarawak, mereka telah menggerakkan gerakan propaganda dan menyusup masuk ke dalam parti politik secara bawah tanah bagi menarik seberapa ramai masyarakat menyertai mereka. Namun begitu, kaedah yang mereka gunakan ini kurang berjaya. Kaedah lain seperti paksaan, peranan parti politik dan subversif serta kerjasama dengan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu memberikan kekuatan kepada mereka untuk bangkit menentang pihak kerajaan. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa ideologi komunisme yang cuba disebarkan menemui kegagalan disebabkan kejayaan operasi ketenteraan yang digerakkan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam mengekang ancaman komunisme. Kajian ini akan membuktikan keberkesanan pihak keselamatan dan kerjasama yang kukuh dengan pelbagai pihak dalam menghalang perluasan ideologi komunisme dalam pentadbiran dan masyarakat di Sarawak.



## COMMUNIST THREAT IN SARAWAK, 1963-1972

### ABSTRACT

This study examines the communist threat in Sarawak from 1963 to 1972. The focus of this study will be on the development of the movement, combating communist threats and public acceptance of communist ideology in Sarawak. This widespread threat occurred due to various events in the era of Malaysia's establishment in 1963. There was co-operation and anti-communist movements initiated by parties inside and outside Sarawak in response to increasing threats. The methodology of this study uses qualitative methodology with emphasis on the analysis of documents and manuscripts. Acquired facts are interpreted and written in a descriptive narrative form and emphasize the cause and effect aspects. The study employs document analysis from archive and library sources such as materials and data from the National Archives of the Sarawak Branch, the Sarawak State Library Sarawak State Archive Repository, Dewan Bahasa dan Pustaka Library Sarawak Branch, and the Tuanku Bainun Library at Sultan Idris University of Education. Secondary sources are books, journals and other writings such as newspapers, magazines and related publications. The findings of the study reveal that before the communists began their violence campaign in Sarawak, they initiated a propaganda movements and infiltrated political parties underground to attract as many people as they were. And yet, the methods they're using are not very successful. Other methods such as coercion, the role of political and subversive parties and cooperation with the Malay Communist Party in the Malay Land gave them the strength to rise up against the government. Thus, this study concludes that the ideology of communism that was attempted to spread failed due to the success of military operations launched by various parties involved in curbing the threat of Communism. This study will prove the effectiveness of the security forces and strong cooperation with various parties in preventing the spread of communist ideology in the administration and society in Sarawak.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                    |      |
|------------------------------------|------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii   |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v    |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>                   | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | x    |
| <b>SENARAI GAMBAR</b>              | xi   |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>           | xiii |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>           |      |
| 1.1 Latar Belakang                 | 1    |
| 1.2 Permasalahan Kajian            | 4    |
| 1.3 Objektif Kajian                | 5    |
| 1.4 Metodologi Kajian              | 6    |
| 1.5 Kepentingan Kajian             | 8    |
| 1.6 Skop Kajian                    | 9    |
| 1.7 Sorotan Kajian Lepas           | 10   |
| 1.8 Pembahagian Bab                | 17   |
| 1.9 Kesimpulan                     | 19   |





## **BAB 2 PERKEMBANGAN GERAKAN KOMUNIS DI SARAWAK 1920-1972**

|                                                                                                        |    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1 Pengenalan                                                                                         | 20 |
| 2.2 Latar Belakang Komunis di Sarawak                                                                  | 22 |
| 2.3 Penyebaran Ideologi Komunis dalam Masyarakat di Sarawak pada 1950 sehingga 1972                    | 39 |
| 2.4 Pemberontakan Brunei 1962 dan kaitan dengan pengaruh Sarawak Communist Organization (SCO)          | 59 |
| 2.5 Pemberontakan Sarawak Communist Organization (SCO) ketika Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966 | 86 |
| 2.6 Kesimpulan                                                                                         | 98 |

## **BAB 3 PROPAGANDA DAN KEGANASAN OLEH PIHAK KOMUNIS DI SARAWAK, 1963-1972**

|                                                    |     |
|----------------------------------------------------|-----|
| 3.1 Pengenalan                                     | 99  |
| 3.2 Perang saraf dan propaganda oleh pihak Komunis | 101 |
| 3.2.1 Penerbitan Akhbar                            | 102 |
| 3.2.2 Buku Propaganda                              | 104 |
| 3.2.3 Risalah                                      | 106 |
| 3.3 Peranan parti SUPP dalam penyebaran komunisme  | 107 |
| 3.4 Keganasan PKI, TNKU, PARAKU dan SCO di Sarawak | 120 |
| 3.5 Kesimpulan                                     | 151 |

## **BAB 4 GERAKAN ANTI KOMUNIS DI SARAWAK**

|                                        |     |
|----------------------------------------|-----|
| 4.1 Pengenalan                         | 153 |
| 4.2 Kerjasama Pihak Kerajaan           | 154 |
| 4.3 Penglibatan Tun Abdul Rahman Yakub | 170 |

|                                                                |     |
|----------------------------------------------------------------|-----|
| 4.4 Operasi Hammer                                             | 180 |
| 4.6 Iban Tracker (Sarawak Rangers/Border Scouts)               | 186 |
| 4.7 Penglibatan Tentera Luar Dalam Membanteras Ancaman Komunis | 196 |
| 4.7.1 Peranan pihak British dan Komanwel                       | 196 |
| 4.7.2 Peranan pihak Indonesia semasa Orde Baharu               | 234 |
| 4.7.3 Peranan pihak Amerika Syarikat                           | 247 |
| 4.8 Kesimpulan                                                 | 252 |

## **BAB 5 IMPLIKASI ANCAMAN KOMUNIS TERHADAP MASYARAKAT DI SARAWAK**

|                                                             |     |
|-------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 Pengenalan                                              | 253 |
| 5.2 Etnik Utama di Sarawak                                  | 254 |
| 5.3 Kesan keganasan pihak komunis                           | 257 |
| 5.4 Penerimaan ideologi komunis dalam masyarakat di Sarawak | 262 |
| 5.4.1 Masyarakat Melayu Sarawak                             | 265 |
| 5.4.2 Masyarakat Dayak                                      | 269 |
| 5.4.3 Masyarakat Cina                                       | 273 |
| 5.5 Kesimpulan                                              | 280 |

|                         |     |
|-------------------------|-----|
| <b>BAB 6 KESIMPULAN</b> | 281 |
| <b>RUJUKAN</b>          | 291 |
| <b>LAMPIRAN A</b>       | 307 |
| <b>LAMPIRAN B</b>       | 308 |
| <b>LAMPIRAN C</b>       | 309 |

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                                | Muka Surat |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 5.1        | Statistik angka pembunuhan warga awam oleh pihak komunis dari 1967 hingga 1970 (Sumber RASCOM) | 260        |
| 5.2        | Bilangan Penduduk di Sarawak, 1939-1970.                                                       | 263        |

**SENARAI GAMBAR**

| <b>No. Gambar</b> |                                                                                                                                                                                             | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1                 | Peta Sarawak yang dibahagikan kepada lima bahagian dan Sabah (Borneo) pada tahun 1970                                                                                                       | 24                |
| 2                 | Pertubuhan komunis yang ditubuhkan bertujuan menjadikan Sarawak sebagai sebuah negara satelit Tanah Besar China dengan adanya campur tangan Peking                                          | 26                |
| 3                 | Radio turut digunakan untuk menyebarkan fahaman komunisme di kalangan guru yang berasal dari Tanah Besar China yang mengajar kepada murid di Sarawak                                        | 29                |
| 4                 | Carta organisasi pihak komunis di Sarawak yang meliputi beberapa bahagian dan kumpulan yang lebih kecil. Sesebuah sekolah mempunyai beberapa unit di bawahnya                               | 31                |
| 5                 | Carta organisasi PARAKU                                                                                                                                                                     | 35                |
| 6                 | Penyebaran ideologi kepada pelajar sekolah oleh ahli komunis                                                                                                                                | 40                |
| 7                 | SCO turut bergerak secara perlembagaan dengan meyusup ke dalam organisasi rasmi seperti parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan kebudayaan, pelajar sekolah serta masyarakat bukan Cina | 47                |
| 8 & 9             | Ahli komunis menyusup melalui Persatuan Peladang dan mempengaruhi golongan belia yang mudah dikuasai melalui manifesto komunis                                                              | 54                |
| 10                | Pemimpin dalam parti politik berhaluan komunis digunakan bagi mengaburi mata masyarakat untuk menyokong perjuangan bersifat perkauman                                                       | 57                |
| 11                | Serangan yang dilakukan secara serentak oleh pihak komunis                                                                                                                                  | 93                |
| 12                | Pihak komunis bergiat aktif dalam penguasaan media cetak dan mencetak pelbagai penerbitan yang diterjemah ke dalam bahasa tempatan                                                          | 103               |
| 13                | Carta organisasi awal PGRS                                                                                                                                                                  | 125               |
| 14                | Ahli komunis yang menderita di dalam hutan akibat                                                                                                                                           | 137               |





kelaparan dan sakit kerana bersembunyi dan lari dari  
pihak keselamatan

|         |                                                                                                                                                                    |     |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 15 & 16 | Pamphlet yang digunakan oleh pihak kerajaan dicetak dalam bahasa Melayu dan Iban yang menawarkan program pengampunan kepada ahli komunis yang bersembunyi di hutan | 160 |
| 17      | Jumlah pamphlet yang dicetak dalam 3 bahasa iaitu Melayu, Cina dan Iban.                                                                                           | 162 |
| 18      | Unit seliaan di Borneo bagi menghapuskan ancaman komunis yang dipimpin oleh Mejar Jeneral Walter Walker                                                            | 205 |
| 19      | Lima bahagian yang dibahagikan oleh pihak berkuasa dalam membanteras gerakan komunis di Sarawak                                                                    | 207 |
| 20      | Kubu yang digunakan oleh pihak keselamatan bagi mengawasi kawasan sempadan dan hutan                                                                               | 211 |
| 21      | Gambar propaganda yang memaparkan kehadiran Amerika Syarikat di laut Indonesia                                                                                     | 250 |
| 22      | Masyarakat hidup dalam keadaan ketakutan kerana dipaksa menyertai komunis. Sesiapa yang menolak akan menerima nasib yang buruk oleh ahli komunis                   | 259 |
| 23      | Cubaan memujuk masyarakat tempatan di kawasan pedalaman untuk menambah kekuatan ketenteraan dan sokongan                                                           | 270 |



**SENARAI SINGKATAN**

|         |                                        |
|---------|----------------------------------------|
| ABRI    | Angkatan Bersenjata Republik Indonesia |
| AMDA    | Anglo Malaya Defence Agreement         |
| ASA     | Association of Southeast Asia          |
| AWAS    | Angkatan Wanita Sedar                  |
| AWF     | Armed Work Force                       |
| BARJASA | Barisan Rakyat Jati Sarawak            |
| BNO     | Brunei National Organisation           |
| BNBC    | British North Borneo Company           |
| BPA     | Brunei People Alliance                 |
| BPS     | Barisan Pemuda Sarawak                 |
| BUP     | Brunei United Party                    |
| CCO     | Clandestine Communist Organization     |
| CPNK    | Communist Party of North Kalimantan    |
| FARELF  | Far Eastern Land Forces                |
| IBT     | Indonesian Border Terrorists           |
| KKO     | Korps Marinir Indonesia                |
| KOSTRAD | Komando Strategis Angkatan Darat       |
| MCA     | Malaysian Chinese Association          |
| MIC     | Malaysian Indian Congress              |
| MNLA    | Malayan National Liberation Army       |





|          |                                          |
|----------|------------------------------------------|
| MPAJA    | Malayan People's Anti-Japanese Army      |
| NKCP     | North Kalimantan Communist Party         |
| NKKU     | Negara Kesatuan Kalimantan Utara         |
| OCYMA    | Overseas Chinese Young Men's Association |
| PANAS    | Parti Negara Sarawak                     |
| PAP      | People's Action Party                    |
| PARAKU   | Pasukan Rakyat Kalimantan Utara          |
| PARTINDO | Parti Indonesia                          |
| PBB      | Pertubuhan Bangsa Bersatu                |
| PERMESTA | Perjuangan Rakyat Semesta                |
| PGRS     | Pasukan Gerila Rakyat Sarawak            |
| PKB      | Pasukan Komunis Bersenjata               |
| PKC      | Parti Komunis China                      |
| PKI      | Parti Komunis Indonesia                  |
| PKM      | Parti Komunis Malaya                     |
| PKMM     | Parti Kebangsaan Melayu Malaya           |
| PKS      | Parti Komunis Sarawak                    |
| PKKU     | Parti Komunis Kalimantan Utara           |
| PKMS     | Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak      |
| PMS      | Persatuan Melayu Sarawak                 |
| POLRI    | Polisi Republik Indonesia                |
| PRC      | People's Republic of China               |
| PRB      | Parti Rakyat Brunei                      |
| PRBS     | Parti Rakyat Bersatu Sarawak             |

|         |                                                  |
|---------|--------------------------------------------------|
| PRRI    | Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia       |
| RAF     | Royal Air Force                                  |
| RASCOM  | Rajang Security Command                          |
| RPKAD   | Resimen Para Komando Angkatan Darat              |
| RRC     | Republik Rakyat China                            |
| RRI     | Radio Republik Indonesia                         |
| RLL     | Race Liberation League                           |
| SAS     | Special Air Services                             |
| SEATO   | Southeast Asia Treaty Organisation               |
| SLL     | Sarawak Liberation League                        |
| SAFL    | Sarawak Anti-Fascist League                      |
| SAYA    | Sarawak Advanced Youth Association               |
| SCO     | Sarawak Communist Organization                   |
| SOC DYL | Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League |
| SI      | Sarekat Islam                                    |
| SUPP    | Sarawak United People's Party                    |
| SYF     | Sarawak Youth Front                              |
| TNKU    | Tentera Nasional Kalimantan Utara                |
| TNI     | Tentera Nasional Indonesia                       |
| TPNM    | Tentera Pembebasan Nasional Malaysia             |
| UMNO    | United Malay National Organizzation              |
| USNB    | Unitary States of Northern Borneo                |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang

Pada tahun 1948 sehingga 1960 berlangsung peristiwa hitam dalam sejarah Tanah Melayu iaitu Zaman Darurat di mana berlakunya ancaman secara terbuka kepada pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bersama penjajah British dengan pihak Parti Komunis Malaya (PKM) yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat di Tanah Melayu.<sup>1</sup> Sepanjang tempoh dua belas tahun tersebut, pelbagai strategi dan langkah menghapuskan pemberontakan bersenjata oleh pihak komunis oleh kerajaan Tanah Melayu. Ini juga berikutan peristiwa pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah

---

<sup>1</sup> Zaman Darurat (1948-1960) di Tanah Melayu berkait rapat dengan masalah komunis dan PKM. Gerakan komunis selepas Perang Dunia Kedua semakin menjurus ke arah pergerakan bersenjata dan membahayakan keselamatan penduduk serta keamanan negara. Justeru, Undang-undang Darurat dikuatkuasakan. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, Hlm. 15.



Melayu iaitu Sir Edward Gent mengisytiharkan Undang-undang Darurat.<sup>2</sup> Pada 31 Julai 1960, Tunku Abdul Rahman yang merupakan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu menamatkan Zaman Darurat secara rasminya.

Masalah ancaman komunis pernah berlaku di Tanah Melayu pada awal tahun 1930-an lagi. Pemberontakan dan ancaman komunis di Tanah Melayu pada ketika itu dipelopori oleh PKM. Keadaan ini turut berlaku di Sarawak apabila perkembangan ideologi komunis ke Sarawak seawal tahun 1920-an lagi dan berkembang dalam tempoh 1960-an sehingga 1989, dan ini menyebabkan Sarawak pada ketika itu menghadapi ancaman komunis iaitu Parti Komunis Sarawak (PKS). Ideologi komunis di Sarawak sudah bertapak sejak dari tahun 1920-an lagi namun belum kukuh dan majoritinya adalah dalam kalangan petani berketurunan Hakka yang tinggal di kawasan Batu Kawa di luar bandar Kuching.<sup>3</sup> Pertapakan mereka di kelima-lima bahagian tersebut disebabkan oleh bahagian tersebut mempunyai populasi penduduk yang tinggi. PKS menyasarkan kawasan penduduk yang mempunyai populasi yang tinggi dan mengatur strategi yang lebih efektif untuk melancarkan pemberontakan bersenjata di Sarawak bagi mendapatkan sokongan secara paksaan untuk menyokong perjuangan mereka.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Mangsa yang terlibat ialah Arthur Walker, pengurus Ladang Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon di kawasan Sungai Siput, Perak. Ho Hui Ling, *Pemberanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010, Hlm. 27.

<sup>3</sup> Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak, A Study of the Sarawak United People's Party*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, Hlm. 40.

<sup>4</sup> Kertas Cetak Kerajaan, *Anchaman Komunis Bersenjata di-Sarawak*, Jabatan Cetak Kerajaan, 1972.





Walaupun kegiatan komunis dikesan pada tahun 1920-an tetapi komunis hanya bergiat aktif selepas Malaysia dibentuk dengan kemasukan Sarawak, Sabah dan Singapura berada di dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Komunis Sarawak pada ketika itu memperjuangkan kemerdekaan Sarawak dan bersekongkol dengan pihak komunis Indonesia dalam menentang Malaysia. Selaras itu juga *Sarawak Communist Organisation* (SCO) berusaha untuk menyebarkan fahaman komunis dan meluaskan pengaruhnya dalam kalangan rakyat tempatan melalui parti politik dan pertubuhan pekerja juga mempengaruhi golongan petani, pelajar dan belia.<sup>5</sup>

*Sarawak Communist Organisation* (SCO) juga berusaha dalam memperkuat barisannya, iaitu Barisan Gerila, Barisan Bawah Tanah dan juga Barisan Bersatu sebagai persiapan untuk melancarkan pemberontakan bersenjata di Sarawak bagi merampas kuasa politik dan seterusnya menubuhkan sebuah republik komunis di Kalimantan Utara, yang meliputi Sarawak, Sabah dan Brunei.<sup>6</sup> Parti Komunis Sarawak (PKS) mengatur kempen keganasan mereka dengan melancarkan dasar ketenteraan yang agresif, menggunakan barisan bersatu dan barisan bawah tanah mereka yang dikenali sebagai *Armed Worked Forced* (AWF). AWF merupakan pasukan tentera komunis yang diwujudkan untuk melakukan keganasan di beberapa kawasan di Sarawak. Ia merupakan cabang kepada Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) yang memulakan pemberontakan bersenjata di Sarawak dengan Kerjasama Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU).<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Ahmad Nidzammuddin Sulaiman, *Politik Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, Hlm. 172.

<sup>6</sup> Malaysia, *The Communist Threat to Sarawak*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1966.

<sup>7</sup> Kertas Cetak Kerajaan, *Sri Aman Peace Restored in Sarawak*, Jabatan Cetak Kerajaan, 1974.





Gerakan komunis di Sarawak melalui SCO juga meluaskan pengaruhnya dalam kalangan rakyat tempatan melalui ideologi dan manifesto komunis. Mereka menyasarkan golongan bawahan seperti petani, rakyat biasa, pelajar sekolah dan pada masa yang sama menggerakkan gerakan komunis bagi menentang pembentukan Malaysia pada 1963 yang akan menyatukan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam satu pentadbiran di bawah rancangan Perdana Menteri pertama Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman di samping pihak komunis yang ingin menjadikan Sarawak sebagai ‘mini China’ atau negara satelit di bawah pemerintahan Komunis.<sup>8</sup>

## 1.2 Permasalahan Kajian



Ancaman keselamatan di Sarawak dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Ini kerana matlamatnya ialah untuk menggulingkan kerajaan yang sah dengan menggunakan kekerasan senjata terutama apabila Malaysia dibentuk pada 1963. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini berkaitan dengan pemberontakan komunis menekankan kepada gerakan, pemberontakan dan menyenaraikan beberapa pemimpin yang terlibat dalam gerakan komunis di Sarawak. Tumpuan kajian sebelum ini juga melihat dari perspektif hubungan politik dalaman dan luaran, perkembangan konfrontasi dan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pemerintah pada ketika itu untuk membanteras gerakan komunis yang berleluasa serta penglibatan masyarakat

---

<sup>8</sup> *Utusan Sarawak*, 22 Julai 1961. Serta petikan dari *Utusan Sarawak*, 25 Julai 1961, Surat dari Bumiputra: “Kelewatan dalam menubuhkan Malaysia hanya akan menjadikan komunis lebih kuat. jika mereka menjadi kuat, mereka akan mengambil alih jajahan Borneo British...”.





Cina khususnya yang dilihat sebagai pendukung ideologi utama kepada komunis di Sarawak. Pengkaji menumpukan kepada gerakan perkembangan ideologi dan keganasan pihak komunis terhadap masyarakat tempatan dan bagaimana peranan pihak anti komunis dalam membanteras gerakan komunis di Sarawak serta penerimaan masyarakat tempatan terhadap ideologi komunisme di Sarawak. Pemberontakan komunis sering dikaji dari perkembangannya namun kurang menyentuh mengenai penerimaan masyarakat. Penerimaan masyarakat bumiputera Sarawak terhadap ideologi komunis juga merupakan satu faktor penting untuk dikaji serta perjuangan anti komunis yang meliputi golongan rakyat, pemimpin tempatan, pihak antarabangsa dan persatuan pada ketika itu.



### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mengkaji secara mendalam mengenai bentuk keganasan dan pergerakan komunis di Sarawak terhadap masyarakat serta penglibatan pemimpin tempatan pada ketika itu untuk memerangi penularan komunis dalam politik. Terdapat empat objektif utama yang digariskan iaitu:

1. Membincangkan perkembangan gerakan komunis di Sarawak dari 1963 sehingga 1972.
2. Menganalisis bentuk propaganda dan keganasan komunis di Bahagian Pertama, Kedua Ketiga, Keempat dan Kelima di Sarawak sehingga tahun 1972.





3. Membincangkan peranan gerakan anti komunis di Sarawak dari tahun 1960-an sehingga 1972.
4. Menilai kesan ancaman komunis terhadap masyarakat peribumi di Sarawak semasa tempoh pemberontakan.

#### 1.4 Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini mengandungi beberapa kaedah khusus seperti kajian kes, dan kajian sejarah. Fokus kaedah-kaedah ini adalah untuk mengkaji secara terperinci dari sudut perspektif dan konteks kehidupan manusia seharian. Kajian sejarah merupakan salah satu jenis kajian kualitatif yang mengkaji peristiwa lalu untuk melakar kesimpulan. Langkah-langkah dalam kajian sejarah terdiri daripada merumus idea, merancang idea, mengumpul data, menganalisis data dan menganalisis sumber data.

Kajian ini memfokuskan kepada keganasan komunis di Sarawak. Sumber yang digunakan dalam kajian ini meliputi sumber primer berupa dokumen yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur serta beberapa sumber lain seperti di laman web Laporan Parlimen, Akhbar dan temubual. Dokumen yang diperoleh daripada dalam negara meliputi dokumen yang berbentuk surat dan dokumen kementerian. Dokumen yang diperoleh merupakan bahan sedia ada mahupun koleksi peribadi yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Cawangan Sarawak serta Repositori Negeri Sarawak seperti rekod *Colonial Office*, *Rhodes House*,





serta *Australian War Memorial*. Dokumen dari sumber primer contohnya Kertas Putih Kerajaan bertajuk Anchaman Komunis Bersenjata di-Sarawak yang diterbitkan pada 1972 serta keratan akhbar yang berkaitan dengan komunis di Sarawak seperti di *Straits Times*, *Utusan Sarawak*, *The Sunday Times*, *Berita Harian*, *Sarawak Gazette* dan beberapa dokumen-dokumen yang lain.

Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini berupa buku, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Bahan lain adalah seperti tesis Sarjana dan PhD, dan jurnal penerbitan berkaitan dengan kajian. Sumber sekunder ini diperoleh di Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, Repositari Negeri Sarawak dan Pejabat Daerah di Sarawak. Data daripada sumber sekunder turut dikumpul melalui rakaman video yang dibuat dalam bentuk wawancara media televisyen atau di laman sesawang. Sumber sekunder ini digunakan untuk mendapatkan pelbagai pandangan yang menyeluruh tentang kajian yang dijalankan.

Kaedah lain yang turut digunakan ialah temu bual untuk mendapatkan sumber lisan. Sesi temu bual ini dijalankan dengan generasi tua terutamanya masyarakat Cina dan Bumiputra termasuk orang Melayu yang masih hidup dan berada di tempoh kajian dijalankan secara bebas untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting dan diceritakan dari turun temurun berkaitan dengan pemberontakan komunis dan



gerakannya di Sarawak. Selain itu sesi temu bual turut melibatkan anggota polis atau *Home Guard* dan *Border Scouts* yang pernah terlibat dalam memerangi pemberontakan komunis di Sarawak. Maklumat lain juga berkaitan dengan politik yang berlaku dalam era Darurat dan konfrontasi serta konflik dalaman akan didapati melalui kaedah temu bual ini.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dalam memberikan sumbangan dalam historiografi serta melalui dapatan kajian baharu serta mempunyai nilai kepada pengkaji yang turut berasal dari Sarawak bagi mengetahui peristiwa yang berlaku di negeri kelahiran termasuk golongan masyarakat dan pemerintah tempatan. Ia juga boleh dijadikan sebagai asas bagi mengetahui perkembangan gerakan komunis di Sarawak selepas era Konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1963 serta Pemberontakan Brunei pada 1962. Selain itu kajian ini boleh dijadikan rujukan dan pendorong bagi pengkaji berikutnya dalam melakukan kajian mahupun penerbitan baharu.

Kajian ini juga boleh dijadikan panduan mengenai pengaruh ideologi komunisme yang pernah bertapak di Sarawak khususnya selepas beberapa peristiwa yang penting seperti selepas penjajahan Jepun kepada proses kemerdekaan Sarawak dan kemasukannya ke dalam persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Peranan pelbagai pihak yang membantu dalam pembanterasan seperti *Sarawak Rangers* atau





*Iban Tracker* juga boleh dikembangkan penglibatannya oleh pengkaji seterusnya selain dari sejarah penubuhan dan sejarah yang panjang sehingga pasukan ini diserap ke dalam unit Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini mengkhusus kepada kawasan di Sarawak yang terlibat dalam pemberontakan komunis. Kajian juga akan menumpukan kepada lima bahagian dalam Sarawak yang mempunyai banyak peristiwa penting berkaitan dengan gerakan komunis di Sarawak. Tahun 1963 dipilih kerana pada masa tersebut berlakunya pembentukan Malaysia yang menyatukan negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Dalam masa yang sama juga berlakunya Pemberontakan Brunei pada penghujung tahun 1962 dan Konfrontasi Malaysia-Indonesia yang melibatkan gerakan anti-Malaysia oleh negara Indonesia di bawah pimpinan Sukarno. Antara tempoh 1963 sehingga 1972 terdapat beberapa isu yang dibincangkan termasuklah bermulanya gerakan komunis di Sarawak, penglibatan masyarakat, persatuan dan tokoh-tokoh kemerdekaan dalam gerakan anti komunis serta langkah pihak kerajaan dalam membanteras gerakan komunis dalam tempoh pasca pembentukan Malaysia. Kajian ini berakhir pada 1972 kerana gerakan komunis di Sarawak mulai mengundur ekoran Operasi Rascom dan Operasi sebelumnya yang menyebabkan ramai komunis mulai lemah, lari daripada perjuangan dan menyerah kalah.





## 1.7 Sorotan Kajian Lepas

Terdapat beberapa penulisan lain berkaitan dengan gerakan komunis secara umum yang berlaku di Asia Tenggara, Tanah Melayu dan di Sarawak. Penyelidik mengenal pasti beberapa penulisan dan kajian yang ditulis berkaitan komunis namun kurang membincangkan secara mendalam mengenai pergerakan komunis dan anti komunis oleh gerakan dalaman dan luaran di Sarawak yang terlibat secara langsung.

Menurut Ho Hui Ling dalam tulisan berkenaan “Orang Cina dan Penglibatan Dalam Politik Di Negeri Sarawak, 1841-1963”<sup>9</sup> menyatakan mengenai penghijrahan orang Cina ke Sarawak yang giat berkembang pada masa pemerintahan Vyner Brooke. Orang Cina sangat diperlukan dalam perkembangan awal bagi ekonomi Sarawak. Malahan pada pertengahan tahun 1920-an, pemerintah Brooke menggalakkan kemasukan etnik Foochow ke Baram dengan harapan membantu memajukan penanaman getah di kawasan itu. Ramai orang Cina, khasnya yang sudah tua dan mempunyai keadaan fizikal tidak sesuai untuk bekerja di Sarawak dihantar pulang ke China. Perkembangan ini menyebabkan bilangan orang Cina yang berhijrah keluar lebih ramai daripada yang berhijrah masuk. Namun, keadaan berubah menjelang tahun 1935, bilangan orang Cina yang berhijrah masuk melebihi mereka yang berhijrah keluar. Tulisan ini menyentuh sedikit mengenai penglibatan orang Cina dalam gerakan Komunis di Sarawak manakala pengkaji akan memfokus kepada bagaimana

---

<sup>9</sup> Ho Hui Ling, ‘Orang Cina dan Penglibatan Dalam Politik Di Negeri Sarawak, 1841-1963’, *Sejarah*, Jil. 20, 2012.





kemasukan orang cina ke Sarawak mempengaruhi faktor perkembangan ideologi komunis yang dibawa dari Tanah Besar China ke dalam masyarakat.

Alexander Nicholas Shaw dalam tulisan bertajuk “*British Counterinsurgency in Brunei and Sarawak, 1962–1963: Developing best practices in the shadow of Malaya*”<sup>10</sup> merungkai mengenai pergerakan dan pemberontakan yang berlaku di Sarawak termasuklah mengupas mengenai pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Brunei sehingga berlaku campur tangan pihak British dalam meredakan pemberontakan. Pada masa yang sama juga ia mengganggu proses pembentukan Malaysia oleh Perdana Menteri Malaysia Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman. Selain dari pemberontakan yang berlaku ini, ancaman lain yang dijelaskan termasuklah gerakan Komunis yang bergerak selari dan berkembang dari awal lagi di Sarawak. Walau bagaimanapun penulisan ini banyak menekankan mengenai gerakan luaran yang menjadi faktor perkembangan gerakan komunis di Sarawak sahaja berbeza dengan disertasi ini yang mengkaji secara khusus gerakan dan aktiviti yang berlaku di bahagian Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima di Sarawak.

Mahmud Embong dalam penulisannya iaitu “*Insurjensi Komunis di sempadan Thai-Malaysia, 1968-1989*”<sup>11</sup> menyentuh mengenai pergerakan PKM yang menyusun semula organisasi parti dengan harapan dapat memantapkan anggota-anggota bersenjata serta melicinkan pentadbiran. Anggota-anggota dari kumpulan Pulau Pinang-Kedah

<sup>10</sup> Alexander Nicholas Shaw, *British counterinsurgency in Brunei and Sarawak, 1962–1963: developing best practices in the shadow of Malaya, Small Wars & Insurgencies*, Vol. 27: No. 4, 2016.

<sup>11</sup> Mahmud Embong, *Insurjensi Komunis di sempadan Thai-Malaysia, 1968-1989*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.





digabungkan menjadi jawatankuasa Negeri Pulau Pinang/Kedah atau dikenali sebagai Regimen Kelapan Tentera Pembebasan Nasional Malaya (*Malayan National Liberation Army*, MNLA) yang bergerak di Sadao, Nathawi dan Kau Mai Yai termasuk kawasan Kedah-Perlis. Penulisan ini menyelitkan beberapa gerakan komunis yang aktif di Sarawak namun hanya secara sepintas lalu sahaja dan tidak menceritakan secara terperinci gerakan dan perkembangan komunis di Sarawak.

Shamsiah Fakeh dalam bukunya bertajuk “Memoir Shamsiah Fakeh, dari AWAS ke Rejimen Ke-10”<sup>12</sup> menggambarkan pengalaman beliau sepanjang bergerak aktif dalam Rejimen Ke-10 dalam menentang penjajahan British di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Buku ini menceritakan secara terperinci berkaitan dengan sejarah hidup Shamsiah Fakeh dari awal sehingga beliau terlibat aktif dalam gerakan pembebasan apabila beliau terlibat secara aktif dalam organisasi dan parti politik seperti Ketua Wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Wanita Sedar (AWAS), PUTERA-AMCJA, Tentera Pembebasan Nasional Malaysia (TPNM) dan Rejimen Ke-10 walaupun hanya menyentuh secara sepintas lalu sahaja mengenai pergerakan Parti Komunis Indonesia ke dalam Sarawak. Ia turut menerangkan peristiwa yang berlaku sepanjang Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya seperti kemasukan Parti Komunis Malaya ke Tanah Melayu, ketegangan antara Malaysia dan Indonesia serta menceritakan pergolakan dalaman yang dihadapi oleh PKM semasa penghujung kejatuhannya dan tidak menerangkan secara khusus bagaimana ideologi PKM turut mempengaruhi gerakan PKS di Sarawak.

---

<sup>12</sup> Shamsiah Fakeh, *Memoir Shamsiah Fakeh, dari AWAS ke Rejimen Ke-10*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.



Mohd Reduan Haji Asli dalam bukunya bertajuk “Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia”<sup>13</sup> memberi gambaran mengenai latar belakang dan perkembangan komunis di Tanah Melayu dan Sarawak tetapi tidak menyentuh secara terperinci mengenai gerakan anti komunis. Perkembangan ini juga bergerak secara berasingan walaupun pada asalnya matlamat gerakan ini sama iaitu ingin menubuhkan sebuah negara komunis di Malaysia. Ia turut menerangkan mengenai pemberontakan bersenjata kali pertama dan kedua Parti Komunis Malaya serta Parti Komunis Sarawak serta membincangkan mengenai krisis dalaman dalam gerakan komunis yang menyebabkan berlakunya pecahan sehingga terbentuk dua kumpulan iaitu PKM Kumpulan Revolusi (PKM-KR) dan PKM Marxist-Leninist (PKM-ML). Pengkaji akan menerangkan secara khusus mengenai perkembangan gerakan PKS di Sarawak sehingga gerakan ini mulai lemah disebabkan oleh pelbagai faktor.

Gabriel Tan dalam bukunya “*Indonesian Confrontation and Sarawak Communist Insurgency, 1963-1966*”<sup>14</sup> menyentuh secara terperinci berkaitan dengan gerakan pengganas komunis di Sarawak berdasarkan pengalaman penulis semasa bertugas sebagai wartawan ketika melaporkan berita dan peristiwa mengenai keganasan komunis di Sarawak. Ia turut menceritakan mengenai peranan pengawal sempadan *Border Scouts* dalam menjaga keselamatan di Sarawak daripada serangan komunis. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menghapuskan gerakan komunis turut diuraikan dalam tempoh 3 tahun perkembangan komunis di Sarawak selepas

---

<sup>13</sup> Mohd Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.

<sup>14</sup> Gabriel Tan, *Indonesian Confrontation and Sarawak Communist Insurgency, 1963-1966*, Kuching: Penerbitan Sehati, 2008.



pembentukan Malaysia semasa 1963. Namun kajian ini terhenti sehingga tahun 1966 iaitu sehingga penulis tamat dari bertugas melaporkan berita mengenai komunis serta berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji yang akan memfokus kepada gerakan anti komunis pada tahun 1963 sehingga tahun 1972.

Vernon L. Porritt dalam bukunya bertajuk “*The Rise and Fall of Communist in Sarawak 1940-1990*”<sup>15</sup> menggambarkan mengenai perkembangan gerakan komunis di Sarawak sehingga terkuburnya gerakan ini pada 1990 selepas rundingan Hadyai secara umum mengenai pergerakan komunis namun tidak menceritakan secara mendalam peranan anti komunis dalam membanteras gerakan komunis di Sarawak dan kajian pengkaji akan mengkhusus kepada peranan pihak komunis dalam menyebarkan ideologi komunis ke dalam masyarakat tempatan. Ia juga membincangkan mengenai salah satu tokoh komunis yang terkenal iaitu Bong Kee Chok serta adiknya iaitu Bong Kee Siaw dalam menggerakkan gerakan komunis di beberapa kawasan di Sarawak. Buku ini juga menceritakan bagaimana gerakan komunis di Sarawak mulai lemah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran organisasi itu sendiri serta peranan kerajaan dalam melemahkan gerakan ini.

Dalam satu lagi tulisan Vernon L. Porritt bertajuk “*British Colonial Rule in Sarawak, 1956-1963*”<sup>16</sup>, beliau menyentuh mengenai peranan pemerintahan koloni British dalam pentadbiran Sarawak selepas Perang Dunia Kedua sehingga pada awal

<sup>15</sup> Vernon L. Porritt, *The Rise and Fall of Communist in Sarawak 1940-1990*, Victoria: Monash Universiti Press, 2004.

<sup>16</sup> Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.







kemasukannya ke dalam Malaysia pada 1963. Selain itu, pergerakan komunis turut dibincangkan secara jelas sepanjang tempoh pemberontakan serta menceritakan langkah-langkah yang diambil oleh komunis untuk meraih sokongan penduduk di Sarawak terutamanya dalam kalangan penduduk di Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga. Ia turut menghuraikan mengenai keganasan yang dilakukan oleh komunis terhadap penduduk dan orang awam dalam tempoh perkembangannya walaupun kurang menyentuh mengenai langkah pembanterasan oleh kerajaan dalam menghapuskan kegiatan komunis di Sarawak dan pengkaji akan menekankan mengenai operasi-operasi dan perang saraf yang digunakan oleh pihak kerajaan dalam usaha membanteras dan melemahkan gerakan komunis di Sarawak.



Nararossa Peter Ballak melalui penulisannya “Penggunaan Bahan Penerbitan Media Cetak dalam Penyebaran Propaganda Komunis di Sarawak”<sup>17</sup> merungkai mengenai usaha penyebaran ilmu atau propaganda yang baru secara tidak langsung mempengaruhi masyarakat melalui media cetak walaupun hanya banyak memfokuskan kepada bagaimana propaganda melalui media cetak disebarkan kepada masyarakat khususnya masyarakat Cina dalam menerima ideologi komunis. Propaganda komunis diterima oleh sebahagian sahaja ahli masyarakat iaitu dalam kalangan mereka yang disifatkan sebagai berjiwa radikal dan berpegang kepada politik berhaluan kiri. Oleh itu, penulisan mengenai propaganda komunis banyak diterbitkan dengan adanya kewujudan media cetak. Media cetak menjadi medium mendekatkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan baru. Seiring dengan perkembangan dunia, pelbagai

---

<sup>17</sup> Nararossa Peter Ballak, Penggunaan Bahan Penerbitan Media Cetak dalam Penyebaran Propaganda Komunis di Sarawak, In-House Seminar: *Revisiting Malaysian History*, Vol.II, Issue II, 2017.





propaganda mahupun ideologi baru yang muncul apabila ahli pemikir mengeluarkan cetusan minda yang mampu meninggalkan kesan yang mendalam terhadap para pembaca. Pengkaji akan mengkhusus kepada bagaimana perang saraf yang digunakan oleh kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan dan komunis dalam usaha menyebarkan ideologi kepada masyarakat tempatan di Sarawak.

Sahul Hamid Mohamed Maiddin dalam kajian Sarjana Sastera beliau bertajuk “Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966”<sup>18</sup> menyentuh secara terperinci mengenai propaganda yang digunakan oleh Indonesia bagi menghalang pembentukan Malaysia pada 1963 melalui pelbagai kaedah. Penulisan ini juga menceritakan mengenai punca bermulanya konfrontasi termasuk gerakan anti-Malaysia yang digerakkan oleh Presiden Indonesia iaitu Sukarno melalui ketenteraan, media cetak dan kempen dan pada masa yang sama Parti Komunis Sarawak turut berkembang melalui sokongan negara jiran dalam menggerakkan dasar ketenteraan pada era konfrontasi. Selain itu ia turut mengupas peranan parti politik SUPP dalam pergerakan PKS di Sarawak dan banyak memfokuskan kepada gerakan komunis di Indonesia berbanding di Sarawak. Namun, kajian tersebut tidak memfokuskan secara khusus terhadap negeri Sarawak seperti yang menjadi fokus utama disertasi ini.

Berdasarkan penulisan yang diperoleh, mereka membincangkan mengenai pergerakan komunis di kawasan-kawasan Asia Tenggara dan Tanah Melayu serta

---

<sup>18</sup> Sahul Hamid Mohamed Maiddin, *Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia-Indonesia, 1963-1966*, Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 2010.



beberapa kawasan di Sarawak namun menyentuh sedikit mengenai penglibatan orang Cina serta faktor yang menyebabkan ideologi komunis kurang mendapat sambutan terhadap masyarakat bumiputera khususnya kaum Melayu dan Iban dalam menggerakkan pergerakan komunis serta gerakan anti komunis dalam kalangan masyarakat bumiputera di dalam dan luar kawasan Sarawak.

## **1.8 Pembahagian Bab**

### **Bab 1: Pendahuluan**

Dalam bab 1 ini akan menjelaskan pengenalan mengenai perkembangan gerakan komunis di Sarawak. Di samping itu turut dijelaskan hasrat atau tujuan, objektif, ulasan tentang penulisan yang berkaitan dengan perjuangan anti komunis, kaedah atau metodologi yang digunakan dalam kajian ini, huraian setiap bab yang akan ditulis dan juga bahan-bahan rujukan serta sumber-sumber penting yang dapat membantu penulisan ini nanti.

### **Bab 2: Perkembangan Perkembangan Komunis di Sarawak, 1963-1972**

Menjelaskan latar belakang sejarah perkembangan pemberontakan komunis di beberapa kawasan di Sarawak seawal tahun 1950-an sehingga rundingan damai dan perang saraf oleh pihak kerajaan pada awal 1970-an Bab ini juga akan menyentuh sedikit mengenai beberapa langkah pembenterasan gerakan komunis yang terakhir iaitu Gerakan Rascom pada 1972 yang melemahkan pemberontakan komunis di Kawasan Pertama.



### **Bab 3: Keganasan yang dicetuskan oleh komunis di Sarawak, 1963-1972**

Membincangkan bentuk keganasan yang dicetuskan oleh gerakan komunis di bahagian Pertama sehingga bahagian Kelima yang terdapat di Sarawak termasuk kaedah perang saraf yang digunakan oleh gerakan ini dalam penentangan kerajaan Malaysia yang baru dibentuk bagi mempengaruhi masyarakat di Sarawak khususnya masyarakat Cina yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai serta hubungan yang berkait antara orang Cina dan perjuangan parti politik Peking di Tanah Besar China.

### **Bab 4: Gerakan anti Komunis di Sarawak**

Membincangkan peranan gerakan anti-komunis yang dibawa oleh pejuang kemerdekaan termasuk beberapa tokoh yang terlibat termasuklah Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Rahman Yakub, Suharto melalui Orde Baharu Indonesia dan tokoh-tokoh lain di Tanah Melayu dan Indonesia serta kaedah yang digunakan oleh gerakan kemerdekaan untuk menghalang ideologi komunis dari merebak ke dalam masyarakat tempatan.

### **Bab 5: Implikasi ancaman komunis terhadap masyarakat di Sarawak**

Menganalisis kesan kepada pemberontakan dan ancaman gerakan komunis terhadap masyarakat di Sarawak pada ketika itu. Kajian ini juga akan menganalisis bagaimana penerimaan masyarakat tempatan dalam menerima ideologi komunisme yang disebarkan oleh pihak komunis di Sarawak.





## Bab 6: Kesimpulan

Pengkaji membuat rumusan tentang apa yang berlaku sepanjang tempoh kajian yang dikaji dan dianalisis melalui dapatan bab-bab sebelumnya dan dijadikan sebagai kesimpulan untuk kajian ini serta menjawab permasalahan yang dikemukakan.

### 1.9 Kesimpulan

Kedatangan komunis ke Sarawak menyebabkan tertubuhnya Parti Komunis Sarawak pada awal 1960. Perkembangan ini dikuatkan lagi dengan sokongan gerakan komunis di Indonesia yang bertujuan untuk menghalang gerakan pembentukan Malaysia yang diadakan pada 1963. Gerakan anti-komunis oleh pejuang kemerdekaan serta masyarakat memainkan peranan yang penting dalam menyekat dan menghapuskan gerakan komunis yang bertapak di Sarawak. Kajian ini akan menfokus kepada latar belakang perkembangan komunis, gerakan penentangan oleh anti-komunis dan kesannya terhadap masyarakat di Sarawak pada ketika itu. Kajian ini penting untuk dijadikan sebagai asas bagi mengetahui punca utama menyebabkan berkembangnya gerakan komunis secara meluas di Sarawak selepas era Darurat di Tanah Melayu.

